

**Ijok: Masa terbaik pengundi hantar isyarat kepada k'jaan BN, kata Dr M
Malaysiakini.com
Apr 26, 2007
Fauwaz Abdul Aziz**

Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok Sabtu ini merupakan masa yang terbaik untuk pengundi menghantar isyarat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) bahawa tidak semuanya dalam keadaan baik, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun beliau tidak secara terus terang menggesa kira-kira 12,000 pengundi di Ijok supaya tidak menyokong kerajaan BN, tetapi beliau mengingatkan mereka supaya mengundi secara bijak Sabtu ini.

"Jika anda tidak berfikir (mengenai) apa yang anda lakukan, maka anda tidak akan memanfaatkan undi anda secara bijaksana, dan tentunya, anda yang patut dipersalahkan (kemudiannya)," katanya dalam temubual dengan Malaysiakini semalam.

"Kecuali jika anda menghantar isyarat kepada kerajaan –"Lihat sini, jika kamu buat perangai, kamu mungkin tidak akan dapat undi saya dalam pilihanraya akan datang" – maka kerajaan akan kata –"Lihatlah, rakyat mengundi menyokong kita. Kami dalam keadaan yang cukup baik –," katanya.

Menurut Dr Mahathir lagi, jika pengundi di Ijok terpengaruh dengan 'durian runtuh' yang ditaburkan dalam pilihanraya kecil itu dalam bentuk projek pembangunan baru di kawasan tersebut, maka mereka harus menyalahkan diri mereka sendiri jika mereka (akhirnya) memilih kerajaan yang tidak baik.

"Jika anda mengundi (BN) kerana anda mendapat banyak wang atau kerana anda mendapat banyak projek, maka anda mungkin mendapat kerajaan yang tidak baik yang menggunakan wang untuk membeli undi anda," kata Dr Mahathir.

Beliau juga kesal kerana penyokong BN mengundi kerajaan BN secara membuta-tuli.

"Mereka tidak kisah sama ada ianya kerajaan yang baik atau tidak. Kami orang Barisan. Kami undi Barisan. Tiada penilaian, tiada kajian dibuat. Kami undi (Barisan) kerana kami mesti (berbuat demikian). Itu sebabnya saya kata, rakyat akan mendapat kerajaan yang dipilih mereka sendiri.

"Jika ada tidak berfikir (mengenai) apa yang anda hendak lakukan, anda tidak menggunakan undi anda secara bijak, maka tentulah, anda sendiri yang patut dipersalahkan (akhirnya)," tambahnya.

Jika kalah, salahkan Khir Toyo...

Dr Mahathir berkata, jika kerajaan BN menang dalam pilihanraya kecil itu nanti, maka Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mendapat segala pujiannya.

"Jika mereka menang, ianya adalah kerana Pak Lah, jika mereka kalah, ianya adalah kerana (Menteri Besar Selangor, Datuk Seri) Dr Mohd Khir Toyo," katanya secara sinis.

Walaupun enggan mengatakan sama ada kenyataan beliau itu bermaksud menggesa pengundi Ijok memberi 'undi protes', Dr Mahathir berkata, BN tidak diharuskan diberi sokongan secara membuta tuli.

"Jangan undi BN secara membuta-tuli, Jangan undi PAS secara membuta-tuli, Jangan undi DAP secara membuta-tuli. Gunakan kebolehan anda untuk berfikir," katanya.

Pilihanraya kecil Ijok diadakan selepas kematian penyandanginya Datuk K Sivalingam pada 4 April lalu. Ia menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN, K Parthiban dari MIC, dengan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tan Sri Khalid Ibrahim Sabtu ini.

Sejak beberapa minggu lalu, Ijok telah berubah wajah apabila jutaan ringgit diperuntukkan untuk membina masjid, sekolah, menurap jalan, projek perparitan, memasang lampu jalan dan pelbagai kemudahan lain di kawasan pilihanraya yang majoriti pengundinya orang Melayu.

Mahathir sebelum ini bertelingkah dengan Abdullah, pengganti pilihannya, yang didakwa tidak cekap menguruskan ekonomi negara, rasuah dan mengalami kronisme.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66486>